HIMPUNAN HADITH HARIAN JAKIM

Kategori : AKIDAH Usuluddin

Tajuk :

Perihal Syaitan

Hadith :

Rasulullah s.a.w bersabda dalam khutbahnya: "Ketahuilah! Sesungguhnya Tuhanku telah memerintahkan supaya aku mengajar kamu akan apa yang tidak kamu mengetahuinya dari perkara-perkara yang diajarkannya kepadaku pada hari ini, iaitu (Tuhanku berfirman): "Segala harta benda yang Aku berikan seseorang mendapatnya dengan mana-mana jalan yang Aku benarkan: Adalah Halal; dan sesungguhnya Aku telah jadikan hamba-Ku semuanya suci bersih (dari fahaman dan amalan syirik) serta betul benar menurut keadaan semula jadinya; dan sesungguhnya mereka didatangi dan diperdayakan oleh syaitan-syaitan sehingga sebahagian besar di antara mereka menyeleweng dan terpesong dari ajaran agamanya yang sebenar...."

'Iyadh bin Himar Al-Mujasyi'I r.a

Huraian

Pengajaran hadith:

i) Syaitan adalah musuh utama manusia sejak nabi Adam a.s lagi. Tabiatnya suka menghasut, membuat fitnah, memecahbelahkan manusia dengan mengajak melakukan segala bentuk kemungkaran.

ii) Syaitan akan mengambil peluang menghasut apabila sahaja seseorang manusia itu lalai iaitu tidak mengendahkan ajaran dan peringatan Allah S.W.T, di mana sesiapa yang menurut jejak langkah syaitan pasti akan menemui jalan kebinasaan dan penyesalan sama ada di dunia mahupun di akhirat.